TERMA DAN SYARAT
Kempen "2026Q4 CIMB FD/-i Wealth Bundle"

1. Kempen "**2026Q4 CIMB FD/-i Wealth Bundle**" ("**Kempen**") adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799] ("**CIMB Bank**") dan CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872] ("**CIMB Islamic**"). Kedua-dua CIMB Bank dan CIMB Islamic hendaklah secara kolektif dirujuk sebagai "**CIMB**".

Campaign Period

2. Kempen akan berlangsung dari **22 Oktober 2026 hingga 31 Disember 2026**, **termasuk kedua-dua tarikh** ("**Tempoh Kempen**") atau apabila mencapai penempatan kempen maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di Klausa 11, yang mana lebih awal.

3. a. Walaupun dinyatakan dalam Klausa 51 (a), CIMB mengekalkan haknya, dari semasa ke semasa, untuk mengubah Tempoh Kempen, Kadar Kempen dan/atau kriteria/keperluannya seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 Klausa 11 di bawah ("Pengubahan Tempoh Kempen, Kadar atau Kriteria"), dengan memberi notis kepada Pelanggan yang Layak menerusi:

   i. pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau
   ii. notis di cawangan-cawangan CIMB ; dan/atau
   iii. sebarang bentuk notifikasi yang boleh dipilih oleh CIMB.

   b. Pengubahan Tempoh Kempen, Kadar atau Kriteria hendaklah dianggap sebagai terikat ke atas Pelanggan yang Layak pada tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam notifikasi berkenaan.
   c. Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang CIMB dari masa ke semasa untuk menyemak Terma dan Syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa Perubahan Kadar atau Kriteria.

   Sebarang Perubahan Kadar selaras dengan Perenggan 3 (a.) di atas tidak terpakai terhadap penempatan Simpanan Tetap dan/atau Simpanan Tetap-i (Maturity Returns) ("**FD/-i**") yang dibuat sebelum tarikh berkuat kuasa Perubahan Kadar tersebut.

Kelayakan

4. Tertakluk kepada Terma dan Syarat di sini, Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan CIMB baharu dan sedia ada di Malaysia. Pelanggan yang dinyatakan tersebut selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**".

5. Untuk mengelakkan keraguan kepada peruntukan Klausa 4 di atas, orang/entiti berikut **TIDAK** akan layak untuk menyertai Kempen ini: -

   a. Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Organisasi/Pertubuhan Amal/Bukan Untung, Syarikat Awam, Syarikat Sendirian Berhad, Kelab, Persatuan dan Pelanggan Korporat dan Komersial; dan/atau
   b. Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun; dan/atau
   c. Orang Amerika Syarikat ("**USA**") seperti yang ditakrifkan di bawah (terpakai bagi Dana Unit Amanah Konvensional/Dana Unit Amanah Patuh Shariah atau apa-apa produk lain, sebagaimana yang mungkin):-

i. Mana-mana warganegara atau pemastautin USA termasuk mana-mana orang dengan domisil USA; atau
ii. Mana-mana orang dengan alamat surat-menyurat akaun USA; atau
iii. Mana-mana orang yang memegang Kad Hijau USA; atau
iv. Mana-mana orang yang memenuhi "*substantial presence test*", iaitu seseorang yang berada di USA selama sekurang-kurangnya 183 hari kalendar dengan mengira semua hari (sekurang-kurangnya 31 hari) pada tahun semasa, 1/3 daripada hari-hari pada tahun sebelumnya, dan 1/6 daripada hari-hari pada tahun kedua sebelumnya; atau
v. Mana-mana orang yang ditakrifkan sebagai Orang USA untuk tujuan Cukai USA.

Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak menyatakan dan mengesahkan bahawa mereka tidak tergolong dalam kategori orang/entiti yang dikecualikan di atas.

6. Untuk mengelakkan keraguan, pelanggan yang telah menyertai mana-mana kempen dan/atau skim promosi CIMB yang lain sepanjang Tempoh Kempen juga layak untuk menyertai Kempen ini. Walau bagaimanapun, sekiranya penyertaan dalam Kempen ini melayakkan pelanggan menerima ganjaran lebih daripada satu kempen atau skim promosi CIMB, CIMB berhak untuk menentukan kempen atau skim promosi yang akan terpakai kepada penempatan berkenaan.

7. Untuk pemegang akaun bersama yang baharu dan sedia ada yang dikekalkan dengan CIMB, hanya pemegang akaun yang pertama dinamakan, iaitu pemegang akaun utama akan layak untuk menyertai Kempen ini.

Mekanik Kempen

8. Di bawah Kempen ini, Pelanggan Layak yang memenuhi kriteria penyertaan berikut dan mematuhi semua syarat yang ditetapkan dalam bahagian "**Mekanik Kempen**" ini dan Jadual 1 Klausa 11 di bawah akan layak untuk dianggap sebagai "**Peserta Layak**" dan akan menikmati Kadar Kempen (seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 Klausa 11 di bawah) atas pulangan matang bagi FD/-i. Akaun Pelaburan e-Emas ("**eGIA**"), Unit Amanah terpilih ("**Dana Unit Amanah Penyertaan**"), Instrumen Deposit Boleh Niaga Kadar Terapung Berkaitan Pasaran ("**Market-Linked FRNID**"), produk Insurans Hayat dan/atau Takaful Keluarga terpilih ("**Produk Banca Penyertaan**") akan secara kolektif dirujuk sebagai "**Produk Wealth Penyertaan**".

a. Pelanggan Layak hendaklah membuat penempatan dana ke dalam FD/-i Pelanggan Layak serta melabur/membeli Produk Wealth Penyertaan pada hari yang sama dalam Tempoh Kempen; **DAN**
b. Penempatan dana ke dalam FD/-i serta pelaburan/pembelian Produk Wealth Penyertaan hendaklah dibuat secara kaunter sahaja di mana-mana cawangan CIMB dalam Tempoh Kempen; **DAN**
c. Penempatan dana ke dalam FD/-i hendaklah terdiri sepenuhnya daripada **Dana Baharu** (seperti yang ditakrifkan Klausa 9 di bawah) yang dideposit dengan CIMB.

9. Penempatan dana yang dirujuk dalam Klausa 8 di atas hendaklah terdiri sepenuhnya Dana Baharu. "**Dana Baharu**" untuk tujuan Kempen ini hendaklah bererti wang atau dana yang bukan berasal dari CIMB, tetapi wang atau dana yang telah dipindahkan, dikreditkan atau dibayar ke dalam Akaun Semasa/Akaun Simpanan/-i/Akaun Pelaburan Harian Tanpa Had-i ("**Akaun/-i**") Pelanggan Layak dari bank dan/atau institusi kewangan lain melalui cara apa pun termasuk tetapi tidak terhad kepada:

a. Penempatan Tunai; dan/atau
b. Interbank Giro Transfers (IBG) / Instant Funds Transfer (IBFT); dan/atau
c. Pemindahan Telegraf / Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities (RENTAS); dan/atau
d. Cek tempatan / cek jurubank.

Untuk tujuan Kempen ini, wang atau dana yang berasal dari produk Akaun/-i Pelanggan Layak yang dipindahkan, dikreditkan atau dibayar ke dalam Akaun/-i Pelanggan Layak hendaklah juga dianggap sebagai Dana Baharu dengan syarat bahawa wang atau dana tersebut telah dipindahkan, dikreditkan atau dibayar ke produk Akaun/-i Pelanggan Layak secara langsung atau tidak langsung dari bank dan/atau institusi kewangan lain dalam **tujuh (7) hari perniagaan**.

10. Berikut **TIDAK** akan diklasifikasikan sebagai "**Dana Baharu**":

a. Wang atau dana dari mana-mana FD/-i/Akaun Pelaburan Berjangka-i ("**TIA-i**") atau pengeluaran awal mana-mana FD/-i/TIA-i sedia ada dalam CIMB; dan/atau
b. Pemindahan dana intra bank, iaitu pemindahan dana dari akaun lain yang dikekalkan dengan CIMB; dan/atau
c. Pemindahan dana antara cawangan dalam dan di antara CIMB termasuk pemindahan pihak ketiga,

melainkan dan kecuali untuk dana yang berasal dari Akaun/-i Pelanggan Layak yang didepositkan, dipindahkan, dikreditkan atau dibayar ke Akaun/-i Pelanggan Layak menurut Klausa 9 di atas.

11. Untuk menikmati Kadar Kempen, Peserta Layak mesti mematuhi syarat yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Syarat Kadar Kempen dan Nisbah Penempatan

Tawaran Pakej	FD Pakej dengan eGIA	FD/-i Pakej dengan Dana Unit Amanah Penyertaan	FD Pakej dengan Market-Linked FRNID	FD/-i Pakej dengan Produk Banca Penyertaan
Produk FD/-i	Simpanan Tetap	Simpanan Tetap atau Simpanan Tetap-i (Maturity Returns)	Simpanan Tetap	Simpanan Tetap atau Simpanan Tetap-i (Maturity Returns)
Kadar Kempen FD/-i*	3.78% p.a.	4.88% p.a.	4.28% p.a.	6.38% p.a.
Tempoh FD/-i	6 bulan			
Nisbah Penempatan (Produk Wealth Penyertaan:FD/-i)	1:Sehingga 1	1:1	1:1	1:Sehingga 1
Jumlah Penempatan Minimum (RM)	50,000.00	40,000.00	130,000.00	40,000.00
Penempatan FD/-i Minimum (RM)	25,000.00	20,000.00	65,000.00	20,000.00
Had Kempen (RM)	200,000,000.00	200,000,000.00	200,000,000.00	200,000,000.00

*Sekiranya terdapat perubahan Kadar Dasar Semalaman (OPR), Kadar Kempen boleh disemak semula berdasarkan Klausa 12 semasa Tempoh Kempen boleh didapati di laman sesawang CIMB di **www.cimb.com.my**.

12. Sekiranya berlaku perubahan Kadar Dasar Semalaman (OPR), CIMB merizabkan hak untuk:
    a. Melanjutkan, memendekkan atau menamatkan Kempen ini dengan kesan serta merta selepas notis oleh CIMB; atau
    b. Menyemak semula Kadar Kempen dengan kesan serta merta selepas notis oleh CIMB.

    Sebarang semakan semula Kadar Kempen menurut Klausa 12 (b) di atas tidak terpakai untuk penempatan FD/-i yang dilakukan sebelum tarikh kuat kuasa semakan semula tersebut.

Butiran mengenai FD/-i

13. FD/-i mesti dibuka oleh Pemegang Akaun Utama yang sama yang menyertai Produk Wealth Penyertaan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 11, Jadual 1.

14. Kempen ini hanya terpakai bagi Simpanan Tetap dan Simpanan Tetap-i (Maturity Returns) sahaja. Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, Simpanan Tetap berikut tidak layak untuk Kempen ini:

    a. Simpanan Tetap-i (Monthly Returns)
    b. Simpanan Tetap-i (Why Wait)
    c. Simpanan Tetap Mata Wang Asing
    d. Simpanan Tetap Mata Wang Asing -i
    e. Deposit Masa Emas 2 (Big Plus for 50 Plus)

    Bagi penempatan Simpanan Tetap yang dipakejkan dengan eGIA dan Simpanan Tetap yang dipakejkan dengan Market-Linked FRNID, hanya Simpanan Tetap (Konvensional) layak untuk menyertai Kempen ini.

15. Kadar Kempen adalah terpakai bagi penempatan FD/-i untuk satu (1) kitaran sahaja, iaitu tempoh enam (6) bulan, seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 Klausa 11.
    Pembaharuan: Selepas kematangan FD/-i di bawah Kempen ini, Kadar Kempen tidak lagi terpakai dan Pelanggan Layak dengan ini bersetuju serta memberi kuasa kepada CIMB untuk membaharui atau meletakkan semula *("roll over")* secara automatik jumlah prinsipal FD/-i dan faedah/keuntungan yang diperoleh untuk tempoh yang sama seperti penempatan di bawah Kempen ini pada kadar niaga yang terpakai kepada FD/-i pada masa pembaharuan.
    Pengeluaran Awal dan/atau Sebahagian FD/-i: Sekiranya Peserta Layak ingin membuat pengeluaran penempatan FD/-i sebelum tamat Tempoh FD/-i, pengeluaran penuh ke atas baki penempatan FD/-i hendaklah dilakukan. Pengeluaran separa penempatan FD/-i sebelum tamat Tempoh FD/-i adalah tidak dibenarkan.

16. Faedah/keuntungan FD/-i akan dibayar selepas tamat tempoh FD/-i dengan mengkreditkan ke dalam Akaun/-i Pelanggan Layak atau ditambah pada jumlah prinsipal FD/-i.

17. Faedah/keuntungan FD/-i tidak akan dibayar sekiranya Pelanggan Layak menyelesaikan, menebus atau mengeluarkan FD/-i penyertaan tersebut sebelum kematangan Tempoh FD/-i.

Butiran mengenai eGIA

18. Terma dan syarat berikut hendaklah terpakai kepada eGIA:

a. eGIA bukan produk yang dilindungi jumlah prinsipalnya dan bukan akaun yang diberikan faedah. Pulangan ke atas eGIA bergantung kepada turun naik harga emas, pulangan ke atas pelaburan Pelanggan Layak dalam emas adalah tidak pasti, dan Pelanggan Layak mungkin menghadapi risiko tidak memperoleh pulangan dan/atau kemungkinan menanggung kerugian. Pelanggan Layak dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Perjanjian Akaun Pelaburan e-Emas CIMB Bank dan membuka eGIA berdasarkan pertimbangan sendiri dan/atau nasihat bebas yang diterima.
b. Semua risiko, kerugian dan kerosakan yang berkaitan dengan eGIA akan ditanggung dan dipikul oleh Pelanggan Layak.
c. Pelanggan Layak dikehendaki untuk menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan pelaburannya dalam eGIA yang berkaitan, yang berasingan dari Terma dan Syarat di sini.

Butiran mengenai Dana Unit Amanah Penyertaan

19. Dana Unit Amanah Penyertaan merujuk kepada senarai Dana Unit Amanah Konvensional/patuh Syariah yang terpilih (kecuali Dana tertutup dan Dana Harga Berubah Amanah Saham Nasional Berhad adalah tidak layak) dengan caj jualan sebanyak 2.0% dan ke atas seperti yang termaktub dalam memorandum maklumat/prospektus dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa, termasuk semua Dana Unit Amanah Konvensional/patuh Syariah yang dilancarkan semasa Tempoh Kempen oleh CIMB mengikut budi bicara mutlaknya.

20. Pelanggan Layak yang melabur dalam mana-mana Dana Unit Amanah Penyertaan yang mengambil bahagian melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja – Skim Pelaburan Ahli (KWSP-MIS) adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

21. Caj jualan yang terpakai sebanyak 2.0% bagi Dana Unit Amanah Penyertaan hendaklah ditanggung oleh Pelanggan Layak. Pelanggan Layak hendaklah merujuk kepada prospektus berkaitan bagi setiap dana unit amanah masing-masing untuk maklumat lanjut mengenai caj jualan yang terpakai.

22. Caj jualan dalam Kempen ini tidak termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) (jika terpakai). Jumlah SST yang terpakai akan digabungkan ke dalam caj jualan dan akan dipaparkan dengan sewajarnya dalam pengesahan transaksi pelanggan.

23. Sekiranya Pelanggan Layak melaksanakan hak *cooling-off* atau pelaburan tersebut ditolak atau dibatalkan oleh mana-mana pihak atas apa jua sebab dalam Tempoh Kempen, pelaburan tersebut tidak akan layak sebagai Penyertaan Unit Amanah, dan pengeluaran penuh penempatan FD/-i hendaklah dilakukan. Tempoh "*cooling-off*" merujuk kepada tempoh enam (6) hari perniagaan dari tarikh penerimaan permohonan Penyertaan Unit Amanah dari CIMB.

24. Pelanggan Layak dikehendaki menandatangani semua dokumen standard yang relevan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan pelaburannya dalam Produk Unit Amanah Penyertaan di bawah Kempen ini, yang berasingan dari terma dan syarat di sini.

25. Dana Unit Amanah Penyertaan diatur atau diedarkan oleh CIMB dan akan diserahkan kepada atau dilaksanakan oleh syarikat pengurusan unit amanah terpilih yang merupakan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ("**CMSA 2007**").

26. Dana Unit Amanah Penyertaan dalam mata wang asing adalah terpakai, dan jumlah akan ditukar berdasarkan kadar belian mata wang asing MYR oleh CIMB bagi menentukan jumlah Penempatan Keseluruhan.

27. Sebarang wang yang dikeluarkan daripada deposit yang diinsuranskan bagi tujuan pembelian Dana Unit Amanah Penyertaan tidak lagi dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("**PIDM**").

28. Terma dan syarat berikut hendaklah terpakai kepada Dana Unit Amanah Penyertaan:
    a. Pelaburan dalam Dana Unit Amanah Penyertaan bukan tanggungjawab, dijamin atau dilindungi oleh CIMB dan adalah tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kerugian jumlah prinsipal yang dilaburkan.
    b. Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk melakukan yang berikut sebelum melabur dalam Dana Unit Amanah Penyertaan:
        (i) untuk membaca terma dan syarat Dana Unit Amanah Penyertaan;
        (ii) untuk mengambil kira semua yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur; dan
        (iii) untuk menilai merit dan risiko mana-mana pelaburan berdasarkan penilaian mereka sendiri.
    c. Prestasi Dana Unit Amanah Penyertaan yang lalu bukan petunjuk prestasi masa depan dan pengagihan pendapatan tidak dijamin.
    d. Pelanggan yang Layak yang meragu berkenaan tindakan yang perlu diambil harus berunding dengan penasihat profesional mereka dengan segera.
    e. Pelanggan yang Layak dikehendaki mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan pelaburan mereka dalam Dana Unit Amanah Penyertaan.
    f. Dana pampasan di bawah Seksyen 158 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA):
        (i) tidak melindungi Pelanggan yang Layak; dan
        (ii) tidak merangkumi Pelanggan yang Layak yang telah mengalami kerugian kewangan akibat daripada penggelapan atau penyalahgunaan secara penipuan wang atau harta lain, oleh pengarah, pegawai, pekerja atau wakil CIMB.
    g. Pelanggan yang Layak boleh membuat aduan dengan Unit Resolusi Pelanggan (CRU) CIMB seperti yang dinyatakan dalam Klausa 59 (a) Terma dan Syarat ini jika Pelanggan yang Layak mengalami kerugian kewangan dalam keadaan di atas yang berkaitan dengan perbuatan kakitangan CIMB.
    h. Pelanggan Layak yang tidak berpuas hati dengan keputusan CRU CIMB boleh:
        (i) Merujuk kes tersebut kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) dalam tempoh 6 bulan selepas menerima keputusan akhir daripada CIMB. Sekiranya pelanggan tidak menerima sebarang maklum balas daripada CIMB dalam tempoh 60 hari dari tarikh aduan dikemukakan kepada CIMB, pelanggan boleh mengemukakan pertikaian terus kepada FMOS.
        (ii) Mengemukakan aduan terus kepada Pejabat Pengguna & Pelabur Suruhanjaya Sekuriti Malaysia walaupun Pelanggan Layak telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan FMOS.

Butiran mengenai Market-Linked FRNID

29. Market-Linked FRNID tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("**PIDM**").

30. Terma dan syarat berikut terpakai kepada Market-Linked FRNID:

a. Market-Linked FRNID ialah produk yang dilindungi prinsipal. Perlindungan prinsipal adalah berdasarkan usaha terbaik sekiranya pelaburan dipegang sehingga matang. Pulangan pelaburan Pelanggan Layak akan dipengaruhi oleh prestasi aset/rujukan pendasar. Sekiranya pelaburan ditebus atau dijual sebelum matang, pelanggan mungkin kehilangan sebahagian daripada harga jualan.
b. Semua risiko, kerugian dan kemudaratan yang berkaitan dengan Market-Linked FRNID hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Pelanggan Layak.

31. Pelanggan dinasihatkan supaya membaca dan memahami kandungan Terma dan Syarat Produk serta Penyata Pendedahan Risiko Market-Linked FRNID dan melanggan Market-Linked FRNID berdasarkan pertimbangan Pelanggan Layak sendiri dan/atau nasihat bebas yang diperoleh.

32. Pelanggan Layak dikehendaki menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berhubung dengan pelaburannya dalam Market-Linked FRNID, yang berasingan daripada Terma dan Syarat ini.

33. Mata wang asing Market-Linked FRNID adalah terpakai, dan jumlah akan ditukar berdasarkan kadar belian mata wang asing MYR oleh CIMB bagi menentukan jumlah Penempatan Keseluruhan.

Butiran mengenai Produk Banca Penyertaan

34. Butiran Produk Banca Penyertaan untuk Kempen ini dinyatakan dalam jadual di bawah:

Produk Banca Penyertaan (kekerapan tahunan)	Penanggung Insurans/Pengendali Takaful
Produk Insurans Hayat (Premium Berkala): (Ini adalah produk insurans) • *Sun Wealth Plus*	Sun Life Malaysia Assurance Berhad [No. Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)]
Takaful Keluarga (Sumbangan Berkala): (Ini adalah produk takaful) • *Sun Enrich Extra-i* • *Sun Save Invest Takaful*	Sun Life Malaysia Takaful Berhad [No. Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)]

Nota: Produk Banca Penyertaan mesti mempunyai kekerapan pembayaran tahunan.

35. CIMB hanyalah pengedar bagi Produk Banca Penyertaan yang diunderait oleh Sun Life Malaysia Assurance Berhad [No. Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)], iaitu penanggung insurans yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("**Penanggung Insurans**") dan/atau diuruskan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad [No. Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)], seorang pengendali takaful yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("**Pengendali Takaful**") (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Sun Life Malaysia**").

36. Sun Life Malaysia ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), dan semua pemilik polisi/pemegang kontrak layak mendapat perlindungan di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) sekiranya Penanggung Insurans/Pengendali Takaful gagal dan tidak dapat memenuhi manfaat insurans atau takaful yang ditetapkan.

37. Pelanggan Layak yang membeli atau menyertai Produk Banca Penyertaan sepanjang Tempoh Kempen dan menggabungkannya dengan FD/-i layak untuk menerima Tawaran Kempen FD/-i

seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah Klausa 11, tertakluk kepada pematuhan kriteria kelayakan seperti yang diperincikan dalam Klausa 37, 38 dan 39 ("**Kriteria Kelayakan**").

Produk Banca Penyertaan	Minimum FYAP/FYAC[1] bagi Produk Banca Penyertaan	Nisbah Banca (RM) : FD/-i (RM)	Had Kempen[2]
• *Sun Wealth Plus* • *Sun Enrich Extra-i* • *Sun Save Invest Takaful*	RM 20,000.00 (bagi setiap polisi/kontrak melalui mod bayaran tahunan)	1:1 maksimum[3]	RM 200,000,000.00

*[1] Premium Tahunan Tahun Pertama akan dirujuk sebagai "**FYAP**", Sumbangan Tahunan Tahun Pertama akan dirujuk sebagai "**FYAC**".*
[2] Produk Banca Penyertaan dan FD/-i bagi Kempen ini dihadkan kepada jumlah RM200,000,000.00. Apabila had tersebut telah dicapai, tawaran di bawah Kempen ini tidak lagi akan sah.
[3] Pelanggan Layak boleh membuat penempatan dalam FD/-i sehingga nisbah 1:1 berdasarkan premium/sumbangan bagi Produk Banca Penyertaan mereka. FD/-i boleh sama atau kurang daripada FYAP/FYAC Produk Banca Penyertaan, tertakluk kepada jumlah minimum penempatan FD/-i sebanyak RM20,000.00.

38. Kriteria Kelayakan berikut terpakai kepada semua Pelanggan Layak:
    a. Penempatan FD/-i dan cadangan/permohonan Produk Banca Penyertaan hendaklah disiapkan serta ditandatangani pada hari yang sama.
    b. Cadangan/permohonan bagi Produk Banca Penyertaan hendaklah ditandatangani dalam Tempoh Kempen, dan polisi/kontrak bagi Produk Banca Penyertaan tersebut hendaklah dikeluarkan oleh Sun Life Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Januari 2027.
    c. Penempatan FD/-i hendaklah dibuat di kaunter sahaja di mana-mana cawangan CIMB sepanjang Tempoh Kempen.
    d. Pelanggan Layak dibenarkan untuk menyertai lebih daripada satu (1) pakej/tawaran, dengan memenuhi semua syarat yang dikemukakan di Mekanik Kempen dan Kriteria Kelayakan.
    e. Syarat-syarat berikut terpakai bagi penempatan FD/-i di bawah Tawaran Kempen:
        i. Sekiranya Pemilik Polisi/Pemegang Kontrak dan Hayat Diinsuranskan/Orang Dilindungi merupakan individu yang sama bagi Produk Banca Penyertaan (contohnya *Sun Wealth Plus* dan *Sun Enrich Extra-i*), Pelanggan Layak hanya berhak kepada satu (1) penempatan FD/-i di bawah Tawaran Kempen, tanpa mengira bilangan polisi/kontrak yang dibeli/disertai.
        ii. Sekiranya Pemilik Polisi/Pemegang Kontrak ialah individu yang sama tetapi Hayat Diinsuranskan/Orang Dilindungi berbeza bagi setiap polisi (contohnya, Pemilik Polisi = A; Hayat Diinsuranskan = B bagi satu polisi dan C bagi satu lagi polisi), Pelanggan Layak berhak kepada satu (1) penempatan FD/-i bagi setiap polisi/kontrak, tertakluk kepada pematuhan semua Kriteria Kelayakan Kempen.
    f. Bagi Produk Banca Penyertaan yang mempunyai pilihan tambah nilai, sama ada tambah nilai berkala atau tambah nilai tunggal tidak akan diambil kira sebagai sebahagian daripada FYAP/FYAC.
    g. Pengumpulan FYAP/FYAC bagi setiap polisi/kontrak Produk Banca Penyertaan **TIDAK** terpakai untuk Kempen ini.

h. Pelanggan Layak yang menarik balik atau membatalkan Produk Banca Penyertaan pada bila-bila peringkat semasa atau sebelum Tempoh Semakan Percuma (*Free Look Period*) atau sebelum tempoh matang FD/-i, tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

Nota:
Tempoh Semakan Percuma ("*Free Look Period*") ditakrifkan sebagai tempoh lima belas (15) hari kalendar dari tarikh penghantaran polisi atau kontrak, yang diperuntukkan kepada pemilik polisi/pemegang kontrak bagi Produk Banca Penyertaan untuk menilai kesesuaian pelan tersebut. Sekiranya polisi atau kontrak diserahkan dalam Tempoh Semakan Percuma, jumlah premium atau sumbangan penuh akan dipulangkan kepada pemilik polisi/pemegang kontrak, setelah ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang telah ditanggung.

39. Kempen ini tidak sah dan tidak boleh digabungkan dengan mana-mana produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga lain yang mempunyai tempoh perlindungan dan tempoh bayaran selama dua (2) tahun ("**2 Pay**"), dengan ciri kadar promosi, kempen, tawaran, promosi (jika ada) dan/atau keistimewaan (contohnya kadar kakitangan) yang ditawarkan oleh CIMB/Sun Life Malaysia.

40. Pelanggan Layak dikehendaki menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat yang berkaitan dengan cadangan/permohonan Produk Banca Penyertaan, yang merupakan dokumen berasingan daripada Terma dan Syarat ini.

41. Pelanggan Layak tertakluk kepada penilaian kesesuaian yang akan dijalankan semasa proses permohonan sebelum mana-mana Produk Banca Penyertaan dapat disyorkan oleh wakil sah CIMB, dan dikehendaki menandatangani semua dokumen yang berkaitan. Pelanggan Layak hendaklah merujuk kepada dokumen produk bagi Produk Banca Penyertaan, termasuk brosur produk, lembaran pendedahan produk, dan apa-apa bahan produk lain yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat lanjut. Brosur produk bagi Produk Banca Penyertaan boleh didapati di laman sesawang CIMB atau diperoleh daripada wakil sah CIMB.

42. Pelanggan Layak juga mesti mematuhi terma dan syarat yang berkuat kuasa bagi permohonan Produk Banca Penyertaan dengan Sun Life Malaysia, memandangkan CIMB hanya bertindak semata-mata sebagai pengedar bagi Produk Banca Penyertaan tersebut.

43. Produk Banca Penyertaan bukan merupakan produk CIMB dan oleh itu:
    a. bukan merupakan kewajipan CIMB dan tidak dijamin oleh CIMB dan/atau mana-mana anak syarikat serta sekutunya;
    b. CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang perkara atau tuntutan yang timbul daripada Produk Banca Penyertaan yang disediakan oleh Penanggung Insurans/Pengendali Takaful; dan
    c. Penanggung Insurans/Pengendali Takaful, sebagai penanggung insurans/pengendali takaful berlesen serta pengunderait/pengurus bagi Produk Banca Penyertaan, hendaklah menanggung sepenuhnya semua obligasi insurans atau takaful yang berkaitan.

44. Pelanggan Layak hendaklah mengemukakan sebarang pertanyaan, maklum balas, kebimbangan, isu atau aduan yang berkaitan dengan pembelian/penyertaan Produk Banca Penyertaan kepada Sun Life Malaysia untuk tindakan dan penyelesaian, seperti berikut:

Alamat:
Sun Life Malaysia Assurance Berhad [Nombor Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)]/
Sun Life Malaysia Takaful Berhad [Nombor Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)]
Level 11, 338 Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur

Talian Khidmat Pelanggan: 1300-88-5055
Pertanyaan Dalam Talian: sunlifemalaysia.com
E-mel: wecare@sunlifemalaysia.com
Faks: (603) 2698 7035

45. Pengunderait atau pengurus Sun Life Malaysia hendaklah mengendalikan semua perkara yang berkaitan dengan Produk Banca Penyertaan.

46. CIMB dan/atau Sun Life Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang permohonan Produk Banca Penyertaan atau surat-menyurat berkaitan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tersilap hantar, tertangguh, tidak dapat dibaca, rosak atau tersalah arah, sama ada disebabkan oleh ralat, ketinggalan, perubahan, gangguan, pemadaman, kecurian, kemusnahan atau sebab lain, melainkan perkara tersebut berpunca secara langsung daripada kecuaian atau keingkaran sengaja oleh CIMB.

Terma dan Syarat Am

47. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen, mereka:

a. dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
b. telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada Terma dan Syarat ini;
c. mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
d. memberi kebenaran kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang mana Peserta Layak boleh berkongsi dengan CIMB mengikut menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
e. bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Kadar Indikatif Kempen yang diberikan kepada Peserta Layak hendaklah muktamad, terikat dan konklusif; dan
f. bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan sepenuhnya atau sebahagian daripada mana-mana kewajipannya dalam Terma dan Syarat ini yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

i. kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
ii. kegagalan elektrik;
iii. pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
iv. apa-apa bencana alam *("act of God")* di luar kawalan CIMB; atau
v. apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.

48. Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen dan/atau layak kepada Kadar Kempen, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan faedah/keuntungan berdasarkan Kadar Kempen sekiranya:

    a. Peserta Layak memungkiri terma dan syarat yang mengawal Produk Wealth Penyertaan dan FD/-i;
    b. Produk Wealth Penyertaan dan FD/-i telah ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan ("*adverse orders*") yang dikeluarkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang; dan/atau
    c. Produk Wealth Penyertaan dan FD/-i adalah berdelinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta Layak atau CIMB.

49. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah:

    a. mengganggu proses permohonan; dan/atau
    b. bertindak memungkiri Terma dan Syarat ini.

    Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada mana-mana penggantian faedah/keuntungan berdasarkan Kadar Kempen dan/atau sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau lanjutan Kempen ini.

50. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) yang berbangkit daripada:

    a. penyertaan atau ketidak penyertaan Peserta Layak dalam Kempen; dan/atau
    b. sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") atau eDM oleh Peserta Layak

    melainkan jika kerugian atau kerosakan tersebut adalah berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian atau keingkaran sengaja oleh CIMB.

51. a) CIMB berhak mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberi notis awalan dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Layak menerusi cara pemberian notis yang ternyata melalui;

    i. pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau
    ii. notis di cawangan CIMB; dan/atau
    iii. iklan di suatu surat khabar pilihan CIMB; dan/atau
    iv. mana-mana cara pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh CIMB.

    b) Pindaan hendaklah dianggap sebagai mengikat Peserta Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam notifikasi tersebut.

    c) Jika perubahan tersebut dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("**Peraturan**") maka ia akan berkuat kuasa mengikut

undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memberi notis kepada Peserta Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.

d) Peserta Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang CIMB dari masa ke semasa untuk menyemak Terma dan Syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa Pindaan kepada terma dan syarat ini.

52. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada Pindaan tersebut.

53. Peserta Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB ditanggung rugi terhadap mana-mana yuran, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB yang disebabkan oleh:

    a. penyertaan Peserta Layak dalam Kempen tersebut; dan/atau
    b. kelayakan, penerimaan, penebusan atau penggunaan Peserta Layak ke atas Kadar Kempen dan/atau kepada faedah/keuntungan berdasarkan Kadar Kempen tersebut; dan/atau
    c. Peserta Layak melanggar atau gagal mematuhi Terma dan Syarat ini.

54. Terma dan Syarat ini:

    a. adalah mengatasi sebarang peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
    b. harus dibaca bersama dengan terma dan syarat semasa produk dan/atau perkhidmatan CIMB yang berkaitan dengan Kempen, yang hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini.

55. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan peraturan, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkaitan di mana CIMB adalah tertakluk.

56. Jika CIMB tidak melaksanakan hak yang dimilikinya dalam Terma dan Syarat ini, ini tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak itu atau mana-mana hak lain yang dimiliki CIMB pada masa akan datang.

57. Laman sesawang CIMB mungkin mengandungi pautan ke laman sesawang lain ("**Pautan Pihak Ketiga**"). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Sekiranya Pelanggan Layak mengklik mana-mana Pautan Pihak Ketiga tersebut, Pelanggan Layak memahami bahawa akses kepada laman tersebut adalah atas risiko sendiri, dan CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak.

58. Sekiranya produk/perkhidmatan yang berkaitan dengan Kempen ini dan dilanggan oleh Pelanggan Layak ditawarkan oleh CIMB Bank, sebarang pertanyaan daripada Pelanggan Layak akan dikendalikan oleh CIMB Bank. Begitu juga, sekiranya produk/perkhidmatan tersebut ditawarkan oleh CIMB Islamic, sebarang maklum balas atau kebimbangan Pelanggan Layak akan ditangani oleh CIMB Islamic.

59. a) Peserta Layak boleh hubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon dan/atau e-mel:

Alamat:	Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
No. Telefon:	+603 6204 7788
Alamat E-mel:	contactus@cimb.com

b) CIMB boleh menukar butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta Layak melalui pengumuman di laman sesawang CIMB atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

Akaun Semasa/Simpanan/-i CIMB dan Simpanan Tetap/-i CIMB dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.
Akaun Pelaburan Harian Tanpa Had-i CIMB, Akaun Pelaburan Berjangka-i CIMB, Akaun Pelaburan e-Emas CIMB, Instrumen Deposit Boleh Niaga Kadar Terapung Berkaitan Pasaran CIMB dan Unit Amanah CIMB tidak dilindungi oleh PIDM.
[Tamat]